

Artikel

**Wacana Raja dan Rakyat: Pola Komunikasi di Media Sosial**

*(The Discourse between Royalty and The People: Patterns of Communication on Social Media)*

Siti Sarah Nurul Liyana Binti Abu Hasan & Mohamad Fauzi Sukimi\*

Program Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [fauzi@ukm.edu.my](mailto:fauzi@ukm.edu.my)

**Abstrak:** Artikel ini mengupas bagaimana penggunaan media sosial sebagai media massa menghasilkan pertembungan tafsiran antara keterikatan feudalisme dan kebebasan demokrasi sekali gus mempengaruhi bentuk komunikasi antara raja dan rakyat. Dengan menggunakan teori *culturalist*, satu kajian kes pada laman media sosial milik Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah dilakukan bertujuan untuk mendeskripsikan pola mesej dan simbolik yang dimuat naik oleh KDYMM Tunku Azizah dengan menggunakan pendekatan *authority-defined*, serta maklum balas masyarakat menerusi perspektif *everyday-defined* mereka. Data-data daripada media sosial dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif, iaitu, teknik emik dan etik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat konflik pada isi kandungan berbentuk sosiopolitik, manakala komunikasi pada isi kandungan berbentuk sosioekonomi dan sosiobudaya adalah harmoni. Hasil kajian juga mendapati bahawa bentuk komunikasi di media sosial adalah komunikasi dua hala yang merangkumi komunikasi secara langsung dan tidak langsung. Daripada segi emperikal, kajian menyumbang kepada penemuan bentuk baharu komunikasi antara kerabat diraja dan rakyat seiring dengan perubahan zaman. Kajian juga mengembangkan lagi teori *culturalist* apabila membuktikan bahawa penerima mesej bukan sahaja aktif dan mampu membina tafsiran sendiri, malah mampu mempengaruhi pemberi mesej. Kajian juga membuktikan kajian kualitatif analisis kandungan media sosial memberikan data lebih tulen kerana ia tidak dipengaruhi oleh pengkaji serta berlaku dalam persekitaran dan masa sebenar. Kajian ini juga mengisi kelompongan dalam wacana ilmu dengan menambah pandangan sosiologi media dalam timbunan kajian-kajian kesultanan Melayu.

**Kata kunci:** wacana, raja, rakyat, pola komunikasi, media sosial

**Abstract:** This article examines how the use of social media as mass media produces clash of interpretations between the element of feudalism's attachment and the freedom in democracy, thus influencing the form of communication between royalty and the people. By using culturalist theory, a case study on Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah's social media sites was conducted to describe the message and symbolic patterns behind KDYMM Tunku Azizah's authority-defined approach through contents uploads and the people's everyday-defined perspective feedback. Data from social media were analysed using qualitative content analysis methods, namely emic and etic. The results found that conflicts happened in sociopolitical contents, while communication on socioeconomic and sociocultural contents are harmonious. This study also found

that the form of communication on social media is two-way communication, which includes direct and indirect communication. In terms of empirical, this study contributes new insight when it's proven that communication between royalty and the people has marked a new milestone. This study also further develops culturalist theory by not only show that the recipient of the messages is active and capable of constructing their own interpretation, but also capable of influencing the sender. This study also proves that qualitative media social content analysis provides raw and pure data as it is not influenced by the researcher. The communication that being examined took place in the real environment and time. This thesis also fills a void in the discourse of sociology media in Malay sultanate studies.

**Keywords:** discourse, royalty, the people, communication patterns, social media

## Pengenalan

Media massa merupakan medium penghubung antara golongan elit dan masyarakat umum (Schroeder 2015). Platform yang dijelmakan dalam bentuk surat khabar, majalah, radio, televisyen dan internet ini mampu menjangkau sebilangan besar masyarakat yang jauh dari sumber maklumat. Kesempatan ini digunakan golongan elit politik untuk menjadikan media massa sebagai alat membentuk pendapat dan kesedaran umum di mana maklumat yang disebarikan telah ditapis mengikut kesesuaian mereka. Di Malaysia, kebebasan media massa dikawal di bawah Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Tindakan kawalan oleh kerajaan tersebut selaras dengan peruntukan yang terdapat dalam Perkara 10(2) dan Perkara 10(4) Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara. Para pengamal media turut boleh ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) yang membenarkan penahanan tanpa caj dan perbicaraan atas sebab menghasut ketidaktenteraman awam (Safar, Asiah & Gunaratne 2000). Biarpun ISA telah dimansuhkan seiring dengan usaha kerajaan Barisan Nasional (BN) menjamin kebebasan awam dan mencapai demokrasi yang moden dan berfungsi (The Star 15 September 2011), akta tersebut telah digantikan dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 yang tidak jauh beza fungsinya dengan ISA (Thomas 2012). Ini bagi memastikan perspektif *everyday-defined* masyarakat umum sentiasa selari dengan pendekatan *authority-defined* golongan pemerintah.

Kemajuan teknologi telefon pintar membuka ruang kepada lebih ramai anggota masyarakat untuk memiliki akses kepada laman internet dalam ruang peribadi. Penciptaan aplikasi media sosial sebagai medium pemerksaan peribadi merancakkan lagi penyertaan masyarakat dalam ruang internet. Berdasarkan laporan Digital 2018 oleh *Hootsuit* dan *We Are Social*, terdapat peningkatan penggunaan Internet kepada 25.08 juta pengguna yang mewakili 79% penduduk Malaysia berbanding tahun sebelumnya. Dengan peningkatan ini, Malaysia menjadi negara kesembilan di dunia paling aktif menggunakan media sosial (Hazlin Ashiqah Ruslim et al. 2020). Keupayaan platform media sosial dalam menarik penyertaan khalayak dalam platform tersebut menjadikannya medium komunikasi massa yang baharu. Bentuk komunikasi massa di media sosial lebih bersifat demokrasi memandangkan proses pendapatan maklumat tidak dikawal dan ditapis oleh kerajaan seperti di media massa arus perdana.

Risiko untuk dikritik umum tidak menyekat golongan istana untuk mendedahkan diri mereka yang sebelum ini terlindungi di sebalik kemegahan tembok istana. Pada tahun 2014, Yang Amat Mulia (YAM) Almarhum Tunku Abdul Jalil Iskandar, putera keempat Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ismail berjaya men-

cipta persepsi baharu masyarakat terhadap golongan istana apabila memaparkan sisi berbeza seorang putera dalam media sosial peribadi baginda. Persona yang ditonjolkan baginda menerusi medium massa tersebut menimbulkan rasa kedekatan serta mewujudkan solidariti bagi masyarakat umum terutama golongan muda seusia baginda. Laman Facebook, Instagram dan Twitter milik baginda yang memaparkan sisi baginda sebagai seorang anak, adik-beradik, rakan, putera raja serta perjalanan baginda sebagai pesakit kanser hati tahap empat mendapat reaksi positif dari masyarakat. Hal ini kerana masyarakat belum pernah mendapat akses ke kehidupan tidak rasmi golongan istana. Penggunaan media sosial sebagai media massa peribadi itu memberikan alternatif kepada rakyat untuk mengenali sosok yang sebelum ini dibatasi tatacara dan protokol rasmi pada kehidupan raja di istana. Baginda digelar sebagai '*People Prince*' di dada akhbar-akhbar tempatan pelbagai bahasa pada hari kemangkatan baginda bagi menggambarkan kedekatan yang berjaya baginda tampilkan bersama rakyat jelata (Mstar, 6 Disember 2015; The Sun Daily, 7 Disember 2015).

Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2013), pertembungan antara pendekatan *authority-defined* dan perspektif *everyday-defined* sering kali menimbulkan ketegangan. Kedudukan KDYMM Tunku Azizah sebagai Raja Pemaisuri Agong, iaitu, suri kepada Ketua Negara, KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah meletakkan Seri Paduka di posisi *authority-defined*. Seri Paduka terikat dengan konsep feodalistik yang telah berakar umbi dalam sosiopolitik dan sosiobudaya masyarakat Melayu lebih 700 tahun. Penggunaan media sosial sebagai media massa bermaksud menyasarkan khalayak umum. Masyarakat umum yang memberi maklum balas kepada isi kandungan media sosial KDYMM Tunku Azizah merupakan pelaku sosial yang berada di posisi *everyday-defined*. Pluralisme moden Malaysia bukan sahaja dipengaruhi dengan pelbagai peristiwa sejarah seperti penjajahan dan imigrasi yang berlaku era pra-kemerdekaan, malah turut terbentuk menerusi pelbagai proses pembentukan masyarakat dan pembangunan negara pasca kemerdekaan.

Keunikan pendekatan KDYMM Tunku Azizah yang bersifat santai di laman media sosial Seri Paduka memberikan peluang komunikasi timbal balas untuk berlaku di antara golongan pemerintah dan diperintah yang sebelum ini ditapis oleh batas-batas protokol dan masuk campur para pembesar. Fenomena ini dilihat selari dengan konsep rasionalisasi dalam proses pemodenan (Weber 1904), yang menjelaskan bahawa tingkah laku masyarakat tidak lagi terikat dengan nilai, tradisi dan emosi namun lebih kepada rasional akal. Dalam sub bidang sosiologi media, teori yang bersesuaian dengan kajian ini adalah teori *culturalist*. Teori *culturalist* menjelaskan bahawa masyarakat umum sebagai penerima mesej memainkan peranan aktif dan bebas membentuk persepsi sendiri terhadap sesuatu mesej yang diterima mereka menerusi media massa. Menggunakan teori *culturalist*, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana pola pertembungan tafsiran komunikasi di antara KDYMM Tunku Azizah (*authority-defined*) dan rakyat (*everyday-defined*) di media sosial dapat mencerminkan bentuk komunikasi yang sama ada cenderung ke arah budaya feudalisme atau kearah kebebasan demokrasi.

## Sorotan Literatur

### 1. Media dan Pembentukan Imej Monarki

Kajian mengenai hubungan golongan istana dan media massa mendapati Ratu England, Ratu Victoria merupakan golongan diraja pertama yang memanfaatkan media massa sepanjang tempoh pemerintahannya iaitu sekitar tahun 1819-1901. Zaman pemerintahan Ratu Victoria bertepatan dengan pengembangan akhbar mingguan popular dan pemulaan majalah berkala pertama yang memiliki grafik (Plunkett 2003). Keterbukaan Ratu Victoria untuk mempromosikan solidariti dengan rakyat menerusi media massa bersayap

kanan mempamerkan gabungan pesona idealistik dan personaliti sebenar baginda (Plunkett 2001). Selain itu, media juga berfungsi dalam mencipta naratif terhadap golongan istana menerusi liputan mengenai acara pertabalan, perkahwinan, dan pengebumian golongan istana (Wardle & West 2004). Langkah ini menjadikan kewujudan monarki sentiasa 'diingati' dalam kalangan masyarakat umum.

Kajian Widholm dan Becker (2015) mendapati masyarakat yang berkumpul semasa perkahwinan diraja Britain, Putera William and Catherine Middleton serta perkahwinan diraja Sweden, Puteri Mahkota Victoria and Daniel Westling berkongsi pengalaman budaya yang sama hasil dari kandungan media yang sering mempromosikan golongan istana sebagai selebriti. Dengan menggambarkan golongan diraja sebagai selebriti, monarki Britain didapati turut menjadi bahagian penting dalam kehidupan rasmi dan awam bagi masyarakat di negara-negara yang pernah dijajahnya seperti Australia dan New Zealand (Randell-Moon 2017).

## 2. Media sebagai Arkib Kuasa Monarki

Seiring dengan perubahan sosio-sejarah, kebanyakan institusi diraja dunia mula membentuk semula penampilan sosial mereka. Sesetengah pengkaji mengambil kesempatan ini untuk melihat bagaimana rekod media digunakan sebagai rujukan kepada kesahan kuasa mereka. Kajian Marouan dan Oughlane (2020) mendapati monarki Morocco tidak lagi menampilkan ciri-ciri autoritarian seperti golongan istana generasi terdahulu. Mereka menampilkan asas kebudayaan untuk mencipta solidirati bersama rakyat sekali gus menunjukkan bahawa monarki negara tersebut telah berkembang sesuai dengan zaman.

Kuasa memerlukan asas dan ini datangnya kepentingan arkib. Institusi raja memerlukan peristiwa-peristiwa lalu sebagai sumber kesahan terhadap kepentingan mereka dalam kehidupan harian masyarakat. Selain itu, media sebagai arkib juga bukti kepada masyarakat bahawa mereka proaktif dalam meneruskan tanggungjawab turun-temurun (Assmann 2011). Kenyataan ini disokong Cannadine (1983) yang membuat kajian analisis cara Ratu Elizabeth II melakukan ritual tradisi yang diturunkan moyangnya iaitu Ratu Victoria. Dapatan kajian mendapati, Ratu Elizabeth II memperlihatkan imej raja yang mewah dan tidak mudah didekati namun pada yang sama, baginda turut menunjukkan sisi peribadi yang memberi maksud bahawa mereka juga manusia biasa seperti golongan pertengahan. Di Malaysia, kebanyakan kajian berkenaan institusi diraja pasti akan dikaitkan dengan kesultanan Melayu Melaka sebagai asas.

## 3. Media dan Wanita Monarki

Media massa berperanan untuk membentuk pendapat umum mengenai streataip peranan dan perlakuan gender. Aspek ini menarik perhatian sebahagian pengkaji untuk melihat bagaimana golongan-golongan wanita istana digambarkan menerusi laporan media massa. Kajian analisis pementakan Permaisuri Sofia, ibu kepada Raja Sepanyol, Felipe VI dalam akhbar gosip Sepanyol menyimpulkan bahawa baginda seorang wanita yang kental dan taat pada keluarga. Justeru, disimpulkan bahawa perkara yang baginda lakukan bersama umum adalah bermotivasikan rasa tanggungjawab kepada keluarga dan negara berbanding mengangapnya sebagai sebuah karier (Widlak & Lloveras 2017).

Repo dan Yrjola (2015) pula meneliti idea 'monarki kelas menengah' yang dipaparkan meneruskan perkahwinan Kate Middleton dan Putera William di United Kingdom serta perkahwinan Charlene Wittstock dengan Putera Albert di Monaco. Kate mempamerkan pesona wanita kulit putih pasca feminis yang bukan sahaja berfikiran terbuka dan berpendidikan tinggi, malah seorang pembeli barangan harian di pasar raya dan isteri yang taat seperti wanita kelas pertengahan.

Charlene pula didapati mempamerkan sisi wanita traditional yang pasif di sisi suami, tidak berdikari dan sentiasa menggunakan khidmat pembantu sekali gus lebih menepati ilusi sebagai wanita kerabat diraja. Kajian Ardif dan Yamin (2020) mendapati kebanyakan liputan akhbar Amerika Syarikat dan Britain mengenai Perkahwinan diraja Britain Putera Harry dan Meghan Markle memiliki unsur rasis walaupun setengah lagi meraikan bahawa Meghan mungkin dapat memodenkan keluarga kerajaan Britain yang keturunan kulit putih.

#### 4. Media Sosial dan Monarki

Sejak beberapa tahun belakangan ini, kajian terhadap penglibatan individu golongan istana di media sosial mula timbul ekoran daripada peningkatan penglibatan mereka. Yessayan (2015) berpendapat tindakan Permaisuri Rania membuka laman Youtube untuk menangkis streotaip terhadap Muslim dan Arab dengan menunjukkan sisi moden Jordan telah menimbulkan kesan paradox. Menurutnya, tindakan itu secara tidak langsung menggambarkan masyarakat Arab dan Muslim lain di rantainya sebagai kolot dan berbahaya. Bagaimanapun, Al-Ghabra (2017) berpendapat *tagline* di laman *Instagram* dan *Twitter* baginda yang berbunyi “Seorang ibu dan isteri dengan pekerjaan harian yang hebat [cool]” memberikan ilusi bahawa baginda menganggap posisi yang dipegang baginda adalah sama dengan jawatan kelas pertengahan.

Mohammad Shoaib (2020) pula mengkaji *Twitter @KingSalman* dengan menggunakan teori *dramaturgy*. Kajiannya mendapati salah satu elemen kuat identiti monarki dalam talian adalah kerana ia mewakili individu istana itu sendiri secara peribadi sekali gus menepis tradisi Arab yang memiliki syarat ketat berkaitan interaksi antara gender dan juga kelas sosial. Kajian ini hanya melihat pada *authority-defined* yang disampaikan Raja Salman menerusi jenis muat naik yang dipilih baginda.

Kajian Dionise (2018) pula mendapati laman sosial Raja Jordan, Raja Abdullah II dan Raja Ewanita, Raja Mswati III memaparkan kepelbagaian dan perkembangan semasa sedangkan naratif laman sosial Raja Harald V dari Norway pula berpaksikan sejarah dan traditional. Meskipun ketiga-tiga raja moden ini menggunakan laman web rasmi mereka dengan gaya yang berbeza, namun jelas laman web digunakan sebagai platform simbolik untuk mempersembahkan kuasa. Penggunaan media sosial menunjukkan kemajuan pada corak pemerintahan mereka.

#### 5. Kajian Kesultanan Melayu

Semakan tinjauan kesusasteraan kajian raja-raja Melayu mendapati kebanyakan kajian tertumpu pada Kesultanan Melayu silam berbanding institusi diraja moden Malaysia. Kajian Kesultanan Melayu Klasik yang meliputi pelbagai negeri di Malaysia dilakukan bagi meneliti corak pemerintahan serta perkembangan tamadun ketika itu (Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz 2011; Tee Boon Chuan 2010). Terdapat juga kajian yang menganalisis hikayat-hikayat lama bagi memahami tamadun melayu dari perspektif berbeza (Abdul Rahman Idris et al. 2019).

Bagi kajian Kesultanan Melayu Moden, kajian didapati tertumpu pada peranan kesultanan dalam perlembagaan (Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain et al. 2017). Kajian perbandingan di antara monarki klasik dengan monarki moden turut dilakukan bagi melihat perkembangan dan perubahan yang berlaku dalam aspek-aspek terlibat (Mohd Norizam Jamian 2017). Kajian mengenai raja dan rakyat turut menjadi tumpuan para pengkaji, namun kajian banyak menumpukan kepada isu-isu penghinaan di media sosial (Wan Amizah Wan Mahmud & Muhammad Adnan Pitchan 2017) dan persepsi rakyat terhadap institusi tersebut secara umum (Ramlah Adam & Noormaizatul Akmar Ishak 2014).

## Metodologi Kajian

### 1. Kaedah Persampelan

Kajian ini menumpukan pada komunikasi yang berlaku di media sosial KDYMM Tunku Azizah, iaitu, Twitter @cheminahsayang dan Instagram @airtangan\_tunkuazizah. Oleh kerana itu elemen pada media sosial mempengaruhi proses tersebut. Media sosial adalah platform berasaskan web yang memudahkan pengguna menghasilkan dan berkongsi kandungan media. Fungsi asas media sosial seperti Twitter dan Instagram adalah jaringan sosial iaitu platform di mana masyarakat berinteraksi.

Sepanjang tempoh dinyatakan, beberapa kandungan Instagram dan Twitter KDYMM Tunku Azizah dikenalpasti menjadi perhatian umum dan dilaporkan di akhbar-akhbar dan dibahagikan kepada tiga kategori seperti berikut:

- i. Sosiopolitik: Ciri Raja Permaisuri Agong Ideal, Lagu Kebangsaan, Warisan Jawi, Vandalisme Mural Pemimpin.
- ii. Sosioekonomi: Rawatan Gigi Percuma, Percutian Rentas Negeri.
- iii. Sosiobudaya: Santapan diraja, Keluarga, Kekeabatan, Fesyen.

Tambahan lagi, isu #dengkike digunakan setelah ia menunjukkan interaksi paling hangat diperkatakan. Aliran komunikasi yang berlaku membuktikan sejauh mana bentuk komunikasi telah berubah. Analisis struktur dan gaya bahasa pada komunikasi diambil dan dibandingkan bagi menilai kecenderungan arah komunikasi.

### 2. Kaedah Pengumpulan Data

Secara umumnya, dua sumber utama, iaitu, data primer dan data sekunder digunakan. Data sekunder di perolehi menerusi koleksi buku-buku peribadi, koleksi buku di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia dan koleksi buku di Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Sumber internet pula diakses menerusi laman web Perpustakaan Tun Sri Lanang dan *Google Scholar*. Sumber-sumber sekunder daripada perpustakaan adalah seperti buku, journal dan latihan ilmiah.

Data primier pula diperolehi menerusi pemerhatian dan pemilihan data isi kandungan media Twitter (@cheminahsayang) dan Instagram (@airtangan\_tunkuazizah) KDYMM Tunku Azizah. Pengumpulan data media sosial lebih mudah memandangkan proses memproses data dan peneliti berpotensi boleh dilakukan tanpa menghabiskan banyak sumber-sumber daya yang lain. Tangkap layar kandungan media sosial terpilih dikumpulkan dengan menggunakan teknik tematik bagi melihat pola isi kandungan yang dimuat naik. Lumrah sifat media sosial, kebanyakan isi kandungan memiliki ciri yang berulang. Oleh itu hanya 11 isi kandungan yang menepati tema dan isu semasa dibahagikan kepada tiga kelompok sosiologikal iaitu sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya.

Komunikasi media sosial berlaku dalam masa sebenar, pantas dan dinamik. Oleh itu, tarikh pengutipan data perlu diketahui agar memudahkan proses analisis tematik dijalankan. Tarikh pemerhatian dan pengutipan data bermula pada Ogos 2019 sehingga April 2021 bagi kedua-dua akaun Instagram dan Twitter.

### 3. Kaedah Menganalisis Data

Kajian ini menggunakan urutan tiga peringkat teknik analisis emik dan etik yang diperkenalkan oleh Berry (1990). Pada peringkat pertama, kesemua pemerhatian dan pengutipan data bagi kedua-dua akaun Instagram dan Twitter dikutip berdasarkan model analisis Pada peringkat kedua, pendekatan emik digunakan untuk

menganalisis data- data yang dikutip dengan lebih mendalam bagi memastikan analisis berada dalam tingkah laku budaya mereka yang dianalisis. Pendekatan emik dilakukan dengan melihat faktor yang menyumbang kepada proses komunikasi seperti orientasi nilai dan faktor sosiologikal kedua-dua pihak. Pada peringkat ketiga, padanan konsep dan budaya dipertimbangkan sebelum membuat kesimpulan berdasarkan tafsiran pengkaji sendiri.

Bagi menjawab objektif kajian ini, isi kandungan muat naik KDYMM Tunku Azizah yang dianalisis dinilai sama ada pertembungan komunikasi dua kelas sosial menimbulkan konflik atau harmoni. Analisis juga terhadap aliran komunikasi dibuat berdasarkan sumber rujukan sekunder bagi menilai perubahan yang berlaku pada proses komunikasi. Akhir sekali, gaya bahasa kedua-dua *authority-defined* dan *everyday-defined* dinilai bagi melihat kecenderungannya sama ada ke arah ciri –ciri yang berada di kerangka feodalisme atau demokrasi.

## Hasil Kajian

### 1. Pertembungan Mesej dan Simbolik Raja dan Rakyat

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti mesej dan simbolik di sebalik perspektif *authority-defined* KDYMM Tunku Azizah menerusi jenis muat naik yang dipilih Seri Paduka dan bagaimana kalangan masyarakat membuat tafsiran terhadap muat naik tersebut mengikut perspektif *everyday-defined*.

#### *Sosiopolitik*

Ciri sosiopolitik adalah faktor yang menentukan dan mempengaruhi dasar awam (Huber, Ragin & Stephens 1993). Tahap pembangunan ekonomi dan sosial, kualiti persekitaran dan kesejahteraan rakyat dipengaruhi oleh faktor sosiopolitik. Sepanjang tempoh pemerintahan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah; bersamaan juga dengan tempoh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah secara terbuka mengumumkan sedia ‘mencemar duli’ di laman Twitter dan Instagram, terdapat pelbagai peristiwa semasa yang mempengaruhi suhu politik tempatan berlaku. Antara peristiwa tersebut adalah rampasan kuasa secara aman yang membentuk kerajaan bukan pilihan rakyat yang dipanggil langkah sheraton (Ahmad Faezal 2020), penyebaran penyakit berjangkit sistem penafasan di seluruh dunia yang dipanggil pandemik Covid-19 (WHO 2019) serta beberapa isu-isu berkaitan dasar kerajaan berbangkit yang lain. Krisis politik telah menyebabkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah mengisytiharkan darurat di bawah Perkara 150 (1) Perlembagaan Persekutuan bermula 12 Januari hingga 1 Ogos (Shamrahyu A Aziz 2020). Situasi–situasi ini sedikit sebanyak mempengaruhi paparan-paparan yang dimuat naik oleh KDYMM Tunku Azizah dari perspektif *authority-defined*. Situasi ini juga mempengaruhi ulasan atau maklum balas berbentuk *everyday-defined* rakyat yang diulit dengan pelbagai emosi sewaktu mengharungi kesan kepada perkara-perkara yang berlaku dalam sosiopolitik.

#### *Sosioekonomi*

Status sosioekonomi berpandu pada kedudukan sosial atau kelas individu atau kumpulan. Status tersebut sering diukur menerusi pelbagai aspek yang meliputi aspek pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Perbezaan status sosioekonomi dalam kalangan masyarakat sering mendedahkan ketidaksamaan dalam pengaksesan terhadap sumber. Hal ini termasuk hak istimewa, kuasa dan kawalan terhadap sumber tersebut oleh kelompok-kelompok tertentu.


Berdasarkan Jabatan statistik 2019, pendapatan isi rumah dan kemudahan asas, rakyat Malaysia dikategorikan dalam tiga kumpulan pendapatan berbeza, iaitu, 20% teratas (T20), 40% pertengahan (M40), dan 40% bawah (B40). Pandemik Covid-19 telah membawa perubahan besar terhadap landskap sosioekonomi. Penutupan sektor ekonomi telah menjejaskan pendapatan ramai penduduk bukan sahaja dari sudut makro, malah dari sudut mikro. Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran Malaysia meningkat kepada 4.5 peratus pada 2020, kadar tertinggi sejak 1993 yang merekodkan 4.1 peratus. Selain itu, kajian Mohd Khairil Ismail et. al. (2021) mendapati terdapat perubahan pada pola penggunaan harian kumpulan pendapat B40 dan M40 yang terjejas akibat pandemik.

Pelbagai pakej rangsangan ekonomi diperkenalkan bagi meringankan rakyat sementara pemulihan Covid-19 dijalankan. Bagaimanapun, krisis politik dan darurat telah mengakibatkan usaha-usaha menjadi berlarutan. Bantuan kerajaan tidak mampu menampung kos kehilangan pendapatan. Ini mempengaruhi emosi masyarakat secara umumnya. Situasi berbeza bagi golongan istana yang tidak terjejas dengan situasi pandemik secara langsung, terutama dari aspek sosioekonomi.

*a. Rawatan gigi percuma*

Rajah 1 menunjukkan KDYMM Tunku Azizah berkongsi keterujaan Seri Paduka menerima bil rawatan crown yang hanya tertulis *We Love You* usai menjalani rawatan di sebuah pusat perubatan pergigian. Simbol tersebut menandakan rawatan yang diberikan pada baginda adalah percuma di atas tanda kasih sayang, sama ada pihak hospital berkenaan atau doktor gigi yang merawat kepada KDYMM Tunku Azizah. Menurut Entwistle (2009), pemberian perkhidmatan atau barangan percuma adalah satu strategi untuk membina hubungan di antara rangkaian sosial tertentu. Perkongsian KDYMM Tunku Azizah sebagai Raja Permaisuri Agong mengenai sesuatu perkhidmatan atau barangan mampu membantu perkhidmatan tersebut mencapai nilai melalui proses budaya seperti peningkatan status dan modal simbolik. Kelebihan kumulatif ini menyebabkan banyak barangan percuma diberikan kepada mereka yang sudah mempunyai sumber ekonomi, sosial, atau budaya yang cukup besar. Oleh kerana itu, pemberian perkhidmatan percuma kepada golongan yang mampu membayar perkhidmatan tersebut adalah sesuatu pelaburan dalam dunia kapitalis. Memandangkan KDYMM Tunku Azizah adalah kerabat diraja, perkhidmatan dan layanan yang baik itu adalah suatu perkara yang boleh dijangka.

Rajah 1. Muat naik Instagram pada 17 Februari 2021





Dari segi *authority-defined*, KDYMM Tunku Azizah ingin menzahirkan penghargaan kepada hospital berkenaan terhadap layanan serta rawatan yang baik. Baginda menyatakan sangat terkejut dengan bil yang diterima. Rata-rata pengikut memberi respon positif dengan menyatakan mereka sangat kagum dan merasa beruntung sekiranya mendapat kelebihan sebegitu. Pengguna Instagram @rynn\_ahmd, mendedahkan bahawa dia mengandaikan bayaran yang perlu dibayar berpuluh ribu, namun kagum bila mengetahui ianya percuma. Hal ini kerana dalam kalangan marhaen, layanan dan perkhidmatan percuma sangat jarang berlaku. Lebih-lebih lagi rawatan yang diterima KDYMM Tunku Azizah mencecah RM 650 hingga ribuan untuk satu gigi bergantung pada jenis material yang dipilih. Masyarakat dilihat tidak mempertikaikan kelebihan yang dinikmati oleh golongan istana yang sudah tentu mampu membayar perkhidmatan tersebut.

#### *b. Percutian rentas negeri*

Rajah 2 memaparkan KDYMM Tunku Azizah berkongsi momen percutian baginda di Pulau Redang, Terengganu. Seri Paduka kelihatan sedang memancing ikan meskipun kaki kiri baginda masih lagi berbalut simen akibat terseliuh ketika bermain golf di Royal Perak Golf Club, Ipoh, Perak. Balutan simen tersebut dipasang setelah pemeriksaan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) mendapati kaki baginda bengkok. Ketika ini, Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dikuatkuasakan di seluruh negara yang menghalang masyarakat untuk rentas negeri tanpa urusan rasmi. Pergerakan pelancong yang dibenarkan adalah negeri dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ke negeri lain yang juga berstatus PKPP iaitu Melaka, Pahang, Terengganu, Sabah, Perlis serta Putrajaya dan Labuan.


Langkah yang dikatakan untuk menaikkan semula industri pelancongan domestik itu hanya tertakluk kepada penggunaan perkhidmatan agensi pelancongan berdaftar, merangkumi khidmat pengangkutan dan penginapan. Jelas di sini, terdapat kelebihan bagi mereka yang berada di dalam kedudukan sosioekonomi yang tinggi untuk melancong. Bagaimanapun, pertikaian timbul dalam kalangan masyarakat mengenai keadilan peraturan tersebut apabila terdapat individu bergelar selebriti (Hot FM, 30 Mac 2021) dan influencer (Hot FM, 19 Mac 2021) yang dari kawasan bukan PKPP mengambil kesempatan untuk bercuti dengan menggunakan tiket merentas negeri atas urusan kerja.

Dari segi *authority-defined*, KDYMM Tunku Azizah ingin mempromosikan percutian dalam negara bagi meningkatkan ekonomi domestik. Walaupun, kegiatan merentas negeri dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang merupakan negeri terletakinya lokasi Istana Negara dan Perak yang merupakan lokasi KDYMM bermain golf tidak dibenarkan, namun KDYMM Tunku Azizah tidak merasa ralat untuk berkongsi gambar percutian baginda. Ini menunjukkan kedudukan sosial baginda yang menyaksikan seorang raja memiliki kelebihan berbeza berbanding rakyat jelata. Walaupun perkongsian berkenaan tidak menampilkan barangan berjenama untuk bermegah, namun ia boleh dilihat bahawa terdapat keistimewaan pada situasi baginda sekeluarga untuk melakukan perkara yang tidak boleh dilakukan rakyat.

Walaupun bagaimanapun, masyarakat langsung tidak mempertikaikan perkara tersebut di bahagian komen. Bahkan, rata-rata pengikut tertarik dengan kapsyen KDYMM Tunku Azizah yang cuba untuk mengajuk dialek Terengganu. Seorang pengguna Instagram @ns.anonymous berkata “Welcome to Redang, Tuanku!!! My Lovely State. Ikang oh Ikang bakpe dok makan umpang!” Terdapat juga pengikut yang mendoakan kesihatan KDYMM Tunku Azizah seperti @mischiefkiddo\_ yang menulis “Assalamualaikum Tuanku, semoga sihat sahaja”. Menurut kaca mata *everyday-defined*, KDYMM Tunku Azizah sekeluarga berada di kelas berbeza yang membolehkan Seri Paduka sekeluarga merentas negeri atas urusan rasmi atau tidak rasmi. Hal ini membuktikan masyarakat memiliki kesedaran kelas dan mengiktiraf KDYMM Tunku Azizah se-

bagai golongan istana. Tidak banyak muat naik KDYMM Tunku Azizah yang dapat dikaitkan dengan isu sosioekonomi. Dapat disimpulkan daripada sudut sosioekonomi, masyarakat masih mengiktiraf perbezaan darjat dan kelebihan akses terhadap sumber yang ada pada darjat tersebut.

Rajah 2. Muat naik Instagram pada 1 April 2021



### Sosiobudaya

Sosiobudaya adalah gaya hidup dan peradaban bagi sesuatu masyarakat yang lahir daripada pegangan dan kecenderungan diri masyarakat berkenaan. Ciri sosiobudaya ini penting untuk pembangunan sosial kehidupan masyarakat tersebut. Antara ciri-ciri sosiobudaya adalah adat, kepercayaan dan nilai yang menjadi identiti sesebuah masyarakat. Dalam konteks budaya Melayu, hubungan antara raja dan rakyat memiliki tertib dan adab dalam kesemua aspek terlibat seperti bahasa, cara percakapan, adat istiadat, pemakaian dan sebagainya.

Tunku Azizah sering menaikkan isu kandungan bertemakan isu sosiobudaya. Biarpun terdapat persamaan dalam budaya antara raja dan rakyat. Namun, terdapat perbezaan makna mengenai sesuatu perkara. Pertembungan makna sosiobudaya mewujudkan persekitaran sosialisasi di mana Seri Paduka dan rakyat saling bertukar pandangan mengenai sesuatu simbolik yang dimuat naik meskipun kadang-kala timbul percampuhan makna.

## 2. Kecenderungan Proses Komunikasi Raja dan Rakyat di Media Sosial

### Adab Berbahasa di Dunia Nyata

Bahasa merupakan satu alat komunikasi yang digunakan untuk memisahkan golongan istana dan golongan kebanyakan (Harun Mat Piah et al. 2000). Pada zaman kesultanan Melayu lampau, bahasa khas disediakan untuk golongan istana dan masyarakat biasa tidak dibenarkan untuk menggunakannya sama sekali. Hukum berbahasa dalam Undang-Undang Kedah (2005) jelas menyatakan:

*Bermula hukum bahasa raja-raja itu lima perkara. Pertama, titah; kedua, kami; ketiga, kita; keempat, berpatik; kelima, derma kurnia. Maka tiada siapa-siapa berkata yang demikian itu. Barang siapa yang menga-*

*takan kata ini, hukumnya jika hamba raja, dibunuh, jika orang keluaran, digocoh mulutnya, jangan jadi teladan pada yang lain, itulah papa kerana raja itu pun ganti Allah taala di dalam dunia ini tak dapat tiada dapatlah melakukan barang kehendaknya.*

Berdasarkan petikan di atas, hukum bahasa digunakan bagi pengukuhan kuasa apabila larangan dibuat kepada rakyat daripada menggunakan perkataan seperti titah, kami, kita, berpatik dan derma kurnia. Sesiapa yang melanggar pantang larang akan dihukum mengikut darjat. Jika hamba, dihukum bunuh. Jika orang kebanyakan, digocoh mulutnya. Hasilnya, budaya bahasa Melayu dibahagikan kepada dua kelompok iaitu bahasa istana dan bahasa orang kebanyakan.

Kini, bahasa istana adalah bahasa masih lagi digunakan sebagai perhubung kebahasaan antara dua darjat, iaitu apabila salah satu pihak terlibat terdiri daripada keluarga diraja (Asmah Omar 2004). Penggunaan bahasa istana merupakan tanda hormat dan simbol yang diamalkan masyarakat melayu tradisi. Hal ini dilekatkan dalam konteks budi bahasa dalam budaya melayu. Bahasa istana juga dipanggil 'bahasa halus' atau 'bahasa dalam' yang penuh sopan santun dan beradab tertib. Bahasa halus menjadi tanda atau simbol mengenal pasti keturunan dan keperibadian seseorang. Sekiranya Syed Husin Ali (2014) menganggap penggunaan bahasa istana sebagai pemupukan jiwa hamba yang perlu dilenyapkan, namun bagi Asmah Omar (2004), ia adalah sebahagian daripada adab dan santun budaya Melayu yang perlu dikekalkan.

Bahasa istana tidak dianggap sebagai keperluan bagi masyarakat umum memandangkan potensi untuk berjumpa secara peribadi dengan golongan istana adalah tipis. Oleh itu, kekurangan pendedahan tentang penggunaan bahasa istana membuatkan masyarakat janggal untuk menggunakannya. Aspek ini menjadi cabaran buat KDYMM Tunku Azizah apabila kesanggupan menurunkan darjat untuk menyantuni rakyat dengan menggunakan medium komunikasi massa melalui media sosial mungkin menyebabkan rakyat menafsirkan bahawa mereka sudah betul-betul setaraf untuk mengeluarkan pandangan mereka.

#### *Adab berbahasa di media sosial*


Rajah 3 menunjukkan bahawa KDYMM Tunku Azizah bukan sahaja tidak menggunakan bahasa protokol istana dalam muat naik-muat naik baginda, malah Seri Paduka tidak menggunakan jenis penulisan rasmi. Ini menunjukkan keterbukaan Seri Paduka untuk merasakan kedekatan dengan rakyat jelata. Bahasa santai atau bahasa rojak hasil gabungan bahasa English dan bahasa Melayu digunakan sebagai simbol kedekatan sekali gus meruntuhkan jurang darjat yang wujud di dunia nyata. Seri Paduka menggunakan perkataan 'saya', bukan 'beta' sebagai kata ganti diri pertama di kesemua hantaran baginda.

Rajah 3. Contoh gaya bahasa yang digunakan KDYMM Tunku Azizah di media sosial



Rajah 4 pula menunjukkan variasi dalam kata ganti diri pertama yang digunakan masyarakat dalam media sosial apabila berkomunikasi dengan KDYMM Tunku Azizah. Terdapat empat jenis yang dikenal-pasti, iaitu, ‘patik’, ‘saya’, ‘I’ dan ‘hamba’. Dapat difahami bahawa di sini masyarakat tidak pasti ganti diri pertama yang tepat untuk digunakan dalam berkomunikasi dengan Raja Permaisuri Agong. Bagaimanapun, kesemua ini diterima dengan baik oleh Tunku Azizah. Kesemua rakyat merujuk kepada Tunku Azizah sebagai Tuanku dan tiada percanggahan dalam kalangan pengguna mahupun Tunku Azizah sendiri dalam aspek ini.

Rajah 4. Contoh gaya bahasa yang digunakan masyarakat di media sosial



Dengan perubahan tersebut, dapat dilihat kedua-dua *authority-defined* dan *everyday-defined* bersetuju bahawa makna adab dan sopan dalam hubungan raja dan rakyat menjadi lebih fleksibel. Meskipun KDYMM Tunku Azizah merendah diri dengan menggunakan perkataan 'saya' berbanding 'beta', namun masyarakat masih lagi merujuk Seri Paduka sebagai Tuanku. Masyarakat masih lagi tidak membahaskan diri mereka sebagai 'aku'. Terdapat sesetengah pengguna tidak membahaskan KDYMM Tunku Azizah dengan gelaran sewajarnya, namun amatlah sedikit. Ini menunjukkan walaupun keterikatan budaya feodal mungkin semakin pudar dalam bahasa secara umumnya dan rakyat menggunakan fungsi demokrasi ketika berbicara dengan Raja Permaisuri Agong, namun tidak merubah hakikat hubungan antara raja dan rakyat. Masyarakat masih lagi tidak lupa dengan adab asas berkomunikasi komunikasi antara dua darjat.

Dapat disimpulkan bahawa KDYMM tidak pernah menggunakan struktur ayat bahasa istana dalam kapsyen-kapsyen baginda dan ketika membalas komen rakyat. Tiada perkataan 'beta' yang digunakan serta penggunaan ejaan singkatan melambangkan bahawa muat naik baginda bukan bersifat rasmi. Penggunaan emoji pula melambangkan kerelaan Seri Paduka untuk menampilkan pesona yang santai kepada rakyat dan ini memberi keyakinan kepada masyarakat umum untuk berkomunikasi dengan baginda. Perbezaan boleh dilihat jika dibandingkan dengan media sosial golongan istana yang lain di mana komen kebanyakannya lebih kepada memuji.

Penggunaan struktur ayat dalam kalangan rakyat memiliki pelbagaian. Terdapat kalangan rakyat yang menggunakan tatacara tertib dalam mengutarakan pandangan atau soalan kepada Tunku Azizah. Perkataan seperti 'Ampun Tuanku', dan 'Daulat Tuanku' digunakan biarpun soalan atau pandangan yang diutarakan tidak menepati konsep adab ketika berkomunikasi dengan raja. Dalam pada masa yang sama, sesetengah juga dilihat menggunakan penyindir dalam menyampaikan perasaan tidak puas hati berdasarkan perkembangan isu semasa. Meskipun terdapat suara-suara negatif, namun mereka agak terpercail dan sering kali menggunakan akaun palsu.

## Perbincangan

Media massa merupakan penghubung di antara golongan elit dan masyarakat umum dengan tujuan pembentukan pendapat yang menyebelahi mereka. Bermula dengan kesusteraan menerusi hikayat bertulis dan lisan sehingga terciptanya media elektronik, komunikasi sehala sering kali merumuskan bahawa khalayak umum adalah pasif. Dalam konteks hubungan raja dan rakyat, masyarakat dikira sekadar menerima maklumat secara bulat-bulat atau memerlukan pemimpin pendapat untuk menterjemahkan komunikasi tersebut. Hal ini kerana banyak langkah kawalan sosial diambil bagi memastikan wacana mengenai golongan istana ini tidak berbaur negatif. Bagaimanapun, seiring dengan perkembangan demokrasi dan kemunculan media digital telah membuatkan masyarakat memiliki platform untuk memperkasakan suara mereka.

Justeru, kehadiran KDYMM Tunku Azizah sebagai Raja Permaisuri Agong mencemar duli di media sosial, seiring dengan tempoh pemerintahan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah, merupakan kesempatan yang baik untuk melihat bagaimana pola pertembungan tafsiran komunikasi di antara KDYMM Tunku Azizah (*authority-defined*) dan rakyat (*everyday-defined*) di media sosial dapat mencerminkan bentuk komunikasi yang sama ada cenderung ke arah keterikatan feodalisme atau kearah kebebasan demokrasi. Konsep yang digunakan adalah feodalisme dan Demokrasi. Feodalisme merujuk kepada sejenis organisasi sosioekonomi masyarakat yang berlandaskan kelas sosial.

Biarpun sistem feodal telah luput ekor penjajahan dan proses perubahan yang berlaku selepasnya, ciri-ciri feodal seperti perbezaan darjat dan jiwa hamba wujud dalam diri masyarakat terutama masyarakat

Melayu. Demokrasi pula ditakrifkan sebagai sebuah kerajaan berasaskan kehendak dan aspirasi kelompok masyarakat selari dengan konsep negara bangsa, kontrak sosial, aspirasi umum, penyertaan rakyat dan hak rakyat. Di bawah sistem ini, warganegara Malaysia diberikan kebebasan dalam mengeluarkan pendapat dan buah fikiran mereka selagi mana mereka tidak menyentuh pada isu-isu sensitif yang telah dikenal pasti oleh Parlimen. Oleh kerana kajian ini melibatkan golongan pemerintah dan golongan diperintah, konsep *authority-defined vs everyday-defined* digunakan sebagai refleksi kepada perspektif struktur-agensi atau makro-mikro tersebut.

Hasil kajian analisis pola pertembungan mesej dan simbolik antara raja dan rakyat berdasarkan isi kandungan media sosial terpilih mendapati masyarakat lebih gemar membantah dan berdebat pada muat naik yang membincangkan hal sosiopolitik. Masyarakat tidak memiliki sebarang pertikaian terhadap keistimewaan yang jelas dapat diakses Seri Paduka dalam isi kandungan yang jelas menunjukkan ciri-ciri sosioekonomi. Manakala bagi isu sosiobudaya, masyarakat tidak kekok bertanya soalan kepada Seri Paduka atau bertukar pendapat. Secara keseluruhan, lebih banyak pertembungan makna yang menunjukkan harmoni berbanding konflik.

Hasil analisis bentuk komunikasi mendapati aliran komunikasi dua hala berlaku secara langsung di mana raja dan rakyat saling bertimbang balas. Komunikasi secara tidak langsung turut berlaku dalam yang akhirnya mampu mempengaruhi pemberi mesej tersebut. Pada tahap ini, jelas rakyat mampu menyampaikan tafsiran mereka kepada raja secara langsung dan tidak langsung. Analisis penilaian sama ada proses komunikasi yang berlaku masih berada dalam kerangka feudalisme atau kerangka demokrasi mendapati proses komunikasi yang berlaku memiliki jalinan antara feudal dan demokrasi.

Menerusi media sosial, golongan istana memiliki peluang untuk merendahkan darjat mereka demi menunjukkan jiwa demokrasi. Menerusi media sosial juga, masyarakat bawahan atau rakyat memiliki kuasa untuk mendefinisikan hubungan dengan kelas atasan. Bagaimanapun, aspek-aspek feudal masih wujud apabila data membuktikan bahawa majoriti masyarakat masih menggunakan tata tertib bahasa istana apabila berkomunikasi dengan KDYMM Tunku Azizah dan kebanyakan kritikan negatif tidak diletakkan pada bahagian komen laman sosial KDYMM Tunku Azizah secara langsung. Sebarang kritikan juga lebih menonjol kerana ia adalah fenomena baharu dalam dinamik hubungan raja dan rakyat meskipun jumlahnya lebih sedikit berbanding pujian. Hal ini menunjukkan ciri-ciri feudal masih wujud dalam proses komunikasi yang berlaku dalam media sosial KDYMM Tunku Azizah.

## **Kesimpulan**

Media sosial sebagai medium massa untuk memantapkan Konsep Raja dan Rakyat Berpisah Tiada memberikan pengalaman baharu buat kedua-dua golongan istana dan masyarakat umum. Hal ini mencabar keterikatan feudal serta menguji sejauh mana kebebasan demokrasi digunakan. Keadaan politik semasa dan perbezaan tafsiran yang disebabkan oleh habitus kedua-dua pihak menyukarkan keseragaman makna berlaku. Walaupun keseluruhan komunikasi berlaku dalam konteks demokrasi di mana proses komunikasi timbal balas berlaku, namun masih terdapat keterikatan feudal apabila sebarang kritikan juga lebih menonjol meskipun jumlahnya lebih sedikit berbanding pujian sehingga akaun terpaksa ditutup. Penemuan bentuk komunikasi baharu antara raja dan rakyat pada era pemerintahan Sultan Al-Sultan Abdullah ini mampu dicapai apabila suri baginda, Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah mengambil keputusan untuk beramah mesra dengan rakyat menerusi medium media sosial. Secara tuntasnya, keseimbangan diperlukan bagi mencari jalan agar ciri-ciri feudal masih dapat diterapkan dalam dunia demokratik. Daripada segi emperikal, kajian me-

nyumbang kepada penemuan bentuk baharu komunikasi antara kerabat diraja dan rakyat seiring dengan perubahan zaman. Kajian juga mengembangkan lagi teori *culturalist* apabila membuktikan bahawa penerima mesej bukan sahaja aktif dan mampu membina tafsiran sendiri, malah mampu mempengaruhi pemberi mesej. Kajian juga membuktikan kajian kualitatif analisis kandungan media sosial memberikan data lebih tulen kerana ia tidak dipengaruhi oleh pengkaji serta berlaku dalam persekitaran dan masa sebenar. Kajian ini juga mengisi kelompongan dalam wacana ilmu dengan menambah pandangan sosiologi media dalam timbunan kajian-kajian mengenai kesultanan Melayu.

**Penghargaan:** Terima kasih kepada PM Dr Yew Wong Chin, selaku Penyelaras Kluster Transformasi Sosio budaya, SEEDS, di atas bantuan dalam penghasilan artikel ini.

## Rujukan

- Abdul Rahman Idris, Salmah Jan Noor Muhammad, Zariat Abdul Rani & Nik Rafdah Nik Muhamad Affendi. (2019). Pelaksanaan wasiat sebagai medium menentukan kecemerlangan dan kejatuhan Kerajaan Samudera Pasai dalam Hikayat Raja Pasai. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(2): 3-15.
- Ahmad Faezal. (2020). *Langkah Sheraton*. Kuala Lumpur: Patriots Publishing.
- Al-Ghabra, H. (2017). *The Ethics of Representation: Muslim Women Reenacting and Resisting Whiteness*. Disertasi Ph.D .University of Denver.
- Anon. (2011). *PM announces repeal of ISA, three Emergency proclamations*. The Star, 15 September: <https://www.thestar.com.my/news/nation/2011/09/15/pm-announces-repeal-of-isa-three-emergency-proclamations/> [11 Disember 2020].
- Anon. (2015). *The passing of a people's prince*. The Sun Daily, 7 Disember: <https://www.thesundaily.my/archive/1630372-LSARCH340898> [5 Jun 2021]
- Anon. (2015). *Kemangkatan Putera Berjiwa Rakyat Begitu Dirasai Rakyat Johor*. mStar, 6 Disember: <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2015/12/06/kemangkatan-putera-berjiwa-rakyat> [5 Jun 2021].
- Ardifa, M. F. & Yamin, H. N. M. (2020). The Construction of Meghan Markle's Identity as a Biracial Woman in Media Reports. 10. *Conference: International University Symposium on Humanities and Arts*.
- Asmah Omar. (2004). *Bahasa Diraja (Edisi Baharu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Assmann, A. (2011). *Cultural Memory and Western Civilization: Functions, Media, Archives*. New York: Cambridge University Press.
- Berry, J. W. (1990). Imposed etics, emics, derived etics: Their conceptual and operational status in cross-cultural psychology. Dlm. T, N. Headland, K. L. Pike, & M, Harris (Pnyt.). *Emics And Etics: The Insider/Outsider Debate*, hlm. 28-47. Newbury Park, CA: Sage.
- Cannadine, D. (1983). The Context, Performance and Meaning of Ritual: The British Monarchy and the 'Invention of Tradition'. 1820–1977. Dlm: Eric Hobsbawm, Terence Ranger (pnyt): *The Invention of Tradition*, hlm 101-165. Cambridge: Cambridge University Press.
- Dionise, A. (2018). Communicating Royalty: A study of modern monarch's online branding. *Elon Journal of Undergraduate Research in Communications* 9(2): 18-26.
- Entwistle, J. (2009). *The Aesthetic Economy of Fashion: Markets and Value in Clothing and Modelling*. Oxford: Bloomsbury Academic.

- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Edisi ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). Pemeriksaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara* 4(1): 159-176.
- Hazlin Ashiqah Ruslim, Mohd Faiz Mohd Noor, Jasmi Ezmeer Jamal & Hasnah Harun. (2020). *Raja Dan Rakyat Berpisah Tiada*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan pustaka.
- Huber, E., Ragin, C. & Stephens, J.D. (1993). Social democracy, Christian democracy, constitutional structure, and the welfare state. *American Journal of Sociology*, 99(3):711–749.
- Marouan, B & Oughlane, E. L. (2020). The Moroccan monarchy and the construction of social representations. *Contemporary Arab Affairs* 13(3): 79–97.
- Mohammad Shoaib, Haneen. (2020). The Saudi monarchy @kingsalman leadership on virtual space. *Journal of Theoretical and Applied Information Technology*, 98(12): 2020-2045.
- Mohd Norizam Jamian, Mohd Yuszaidy Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah & Yusmilayati Yunos. (2017). Keadilan teras kepimpinan raja-raja Melayu: dari era tradisi ke kontemporari. *Jurnal Melayu* 16 (1):62-81.
- Plunkett, J. (2001). Of Hype and Type: The Media Making of Queen Victoria 1837-1845. *Critical Survey*, 13(2): 7–25.<sup>[13]</sup>
- Plunkett, J. (2003). A Media Monarchy? Queen Victoria and the radical press 1837-1901. *Media History*, 9(1): 3-18.
- Ramlah Adam & Noormaizatul Akmar Ishak. (2014). Persepsi rakyat terhadap institusi Diraja: Satu Kajian Kes di Perlis dan Kedah. *Prosiding Seminar Institusi Raja (SILRaj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis*, Universiti Malaysia Perlis, 12-13 Jun.
- Randell-Moon, H. (2017). Thieves like us: the British monarchy, celebrity, and settler colonialism. *Celebrity Studies* 8(3): 393-408.
- Repo, J. & Yrjölä, R. (2015). 'We're all princesses now': sex, class, and neoliberal governmentality in the rise of middle-class monarchy. *European Journal of Cultural Studia*, 18(6): 741-760.
- Safar, H. M., Asiah, S., Gunaratne, S. A. (2000). Malaysia. Dlm. Gunaratne, Shelton A (Pnyt.). *Handbook of the media in Asian*, hlm. 317-349. New Delhi: Sage Publication.
- Shamrahayu A. Aziz. (2020). *Apa itu darurat? Ini 15 perkara anda perlu tahu*. Astro Awani, 23 Oktober: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-itu-darurat-ini-15-perkara-anda-perlu-tahu-264871> [13 Mei 2020]
- Shamsul Amri Baharuddin. (2013). *Politics of Language and Language of Politics: Theory and practice of the 'Nation-of-Intent' as articulated in Malaysia*. Conference: *The Association of Asian Studies* : San Diego, United State of America.
- Syed Husin Ali. (2014). *Raja-raja Melayu: Kemajuan atau Kemunduran?*. Strategic Information and Research Development Centre: Petaling Jaya.
- Tee, Boon Chuan. 2010. Benarkah 'Melayu' bangsa Taoisme menurut pengertian adat raja-raja Melayu (1779M)? *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2(1): 165-176.
- Thomas, T. 2012. Is the security offences bill constitutional? *The Malaysian Insider*. Diperolehi daripada: <http://www.themalaysianinsider.com/sideviews/article/is-the-security-offences-bill-constitutional-to-mmy-thomas/> [20 Feb 2021]



- Wan Ahmad Fauzi Wan Hussain, Anisah Che Ngah, Mohamed Omar Din & Hanif Md Lateh. (2017). Raja-Raja Dalam Penginstitusian Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957: Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Journal Of Nusantara Studies*, 2(1): 27-39.
- Wan Amizah & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia.: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 33(1): 406-422.
- Wardle, C. & West, E. (2004). The press as agents of nationalism in the queen's golden jubilee: how British newspapers celebrated a media event. *European Journal of Communication*, 19(2):195-214.
- Weber, M. (1904). *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism*. London : George Allen & Unwin Ltd
- Widholm, A. & Becker, K. (2015). Celebrating with the celebrities: television in public space during two royal weddings. *Celebrity Studies*, 6(1): 6-22.
- Widlak, E., & Lloveras, G. J. (2017). Queen Sofia of Spain as the embodiment of traditionalist womanhood. Analysis of the gossip press coverage on the Queen from 2011 to 2014. *Journal of Gender Studies*, 26(5):487-501.
- Yessayan, Marial Tatios. (2015). Monarchical Nation Branding: Queen Rania's Performance Of Modernity On Youtube. *Celebrity Studies*, 6(4): 430-442.